

MAHATHIR - SURAT R R R

1985

TANAH MERAH, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENDEDAHKAN KEGIATAN SETENGAH-SETENGAH KALANGAN YANG MENULIS SURAT-SURAT LAYANG UNTUK MENIMBULKAN PERMUSUHAN ANTARA ORANG MELAYU DENGAN ORANG CINA.

BELIAU BERKATA ADA ORANG MELAYU YANG MENULIS SURAT LAYANG SEOLAH-OLAH ORANG CINA MENULISNYA UNTUK DITUJUKAN KEPADA ORANG CINA BAGI MEMBANGKITKAN KEBENCIAN ANTARA KAUM.

BELIAU BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN TANAH MERAH YANG BERTARIFA \$1.2 JUTA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS PERTANYAAN YANG MENGATAKAN ADA SURAT LAYANG YANG KONONNYA DIEDARKAN OLEH ORANG CINA KEPADA PARA PELAJAR CINA DARI MALAYSIA DI LUAR NEGERI SUPAYA MENYEDARI KEJAYAAN ORANG MELAYU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENERIMA SEPUCUK SURAT TETAPI TIDAK PASTI SAMA ADA IA SAMA DENGAN APA YANG DIMAKSUDKAN OLEH SEORANG PEMBERITA YANG BERTANYAKAN DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SURAT ITU DIPERCAYAI DITULIS OLEH ORANG MELAYU BAGI MEMBANGKITKAN KEBENCIAN ORANG MELAYU DAN DISEBARKAN DI KALANGAN ORANG MELAYU. -- LAGI.

1015MGT 28 03 85

0887

U B529 DEB R R R

MAHATHIR - SURAT 2 TANAH MERAH

KERAJAAN AKAN MENGHARAMKAN PENYEBARAN SURAT-SURAT SEDEMIKIAN JIKA IA MEMPUNYAI IMPLIKASI KESELAMATAN, TETAPI JIKA RAKYAT TIDAK MEMANDANGNYA SERIUS, KERAJAAN TIDAK AKAN MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA BELIAU TIDAK TERFIKIR IA DITULIS OLEH ANASIR SUBVERSIF TETAPI DITULIS OLEH MEREKA YANG TIDAK PUAS HATI TERHADAP KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

+ MEREKA MAHUKAN ORANG-ORANG CINA SUPAYA TIDAK SOKONG BARISAN NASIONAL DAN ORANG-ORANG MELAYU BENCI KEPADA MCA, + KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA GEMBIRA MENDENGAR BERITA MENGENAI URA-URA PAS SUPAYA WAKIL-WAKIL RAKYATNYA MEMBERIKAN KESEMUAAN ELAUN MEREKA KEPADA PARTI ITU DAN MENYARANKAN IA DIMULAKAN DARIPADA SEKARANG.

+ PAS MEMERLUKAN DUIT DAN WAKIL-WAKIL RAKYAT PAS SEBAGAI ORANG-ORANG YANG JUJUR PATUT MEMBERIKAN KESEMUA DUIT, HARTA BENDA DAN RUMAH KEPADA PARTI ITU KERANA AMALAN SEPerti ITU LEBIH BAIK DARIPADA MENGUTIP DERMA DARIPADA ORANG-ORANG MISKIN SETIAP KALI BERKEMPEN,+ KATANYA. -- LAGI .
1935MST 28 03 85

D889

U 8530 DEB

MAHATHIR - SURAT 3 TANAH MERAH R R R

-D-\$KETIKA PILIHANRAYA KECIL KAWASAN PADANG TERAP, PAS MENGATAKAN PARA PENDUDUK KAWASAN ITU ADALAH RAKYAT YANG MISKIN, TETAPI ORANG-ORANG PAS JUGALAH YANG MENGUTIP DERMA DARIPADA MEREKA YANG BERJALAN KAKI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

DITANYA SAMA ADA WAKIL-WAKIL RAKYAT UMNO BERSEEDIA BERBUAT DEMIKIAN, BELIAU BERKATA UMNO TIDAK MENGENAKAN PAKSAAN SEDEMIKIAN TETAPI WAKIL-WAKIL RAKYATNYA ADA YANG MENYUMBANGKAN SEBAHAGIAN ELAUN MEREKA KEPADA PARTI SECARA SUKARELA.

+ UMNO JUJUR DAN TIDAK HIPOKRAT SEPerti PAS,+ KATA BELIAU.

KATANYA, BELIAU DAN ANGGOTA-ANGGOTA KABINET DARIPADA UMNO TELAH MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KERAJAAN MELALUI POTONGAN GAJI, DI SAMPING KEPADA BARISAN NASIONAL, IBU PEJABAT UMNO, BAHAGIAN, CAWANGAN DAN BANGUNAN UMNO NEGERI.

MENGENAI PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN YANG BERGIAT DALAM POLITIK, BELIAU BERKATA MEREKA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN JIKA MENDAPAT KEBENARAN KERAJAAN. -- LAGI.

1939MST 28 03 85

D892

U 8531 DEB

MAHATHIR - SURAT 4 TANAH MERAH R R R

SEBELUM ITU, KETIKA BERUCAP BELIAU BERKATA UMNO TIDAK BOLEH ANGKUH DENGAN KUASA YANG ADA UNTUK MENINDAS BANGSA-BANGSA LAIN DI NEGARA INI.

SEBAGAI ORANG ISLAM, UMNO HENDAKLAH BERSIKAP ADIL DAN MENGAMALKAN KESEDERHANAAN SEPerti YANG DITUNTUT OLEH AGAMA ISLAM.

+ KALAU KITA TIDAK MAHU MELIHAT ORANG-ORANG ISLAM DI NEGARA LAIN DITINDAS DAN HAK-HAK MEREKA DINAFIKAN, KITA JUGA TIDAK BOLEH ANGKUH DENGAN KUASA YANG ADA DENGAN MENINDAS ORANG LAIN,+ KATANYA.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMED YAACOB DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH. -- BERNAMA.

1943MST 28 03 85